

**Kempen Menangi Blind Box
sambil Berbelanja
di Musim Perayaan
dengan Kad Kredit Visa Alliance Bank**

Terma dan Syarat

1. **"Kempen Menangi Blind Box sambil Berbelanja di Musim Perayaan" ("Kempen")** yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") ini akan berlangsung mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Mac 2026 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau tempoh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**").
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk menerima dan terikat dengan segala Terma dan Syarat tersebut.

Kelayakan Pemegang Kad Kredit Visa Alliance Bank

3. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Visa Alliance Bank yang baharu dan sedia ada ("**Pemegang Kad Kredit yang Layak**") seperti di bawah:

- a. **Pemegang Kad Kredit Utama yang baru diluluskan** yang memohon sekurang-kurangnya satu (1) kad kredit Utama yang baharu daripada jenis-jenis kad kredit berikut ("**Kad Layak**"):

- i. Kad Kredit Visa Virtual Alliance Bank;
- ii. Kad Kredit Visa Platinum Alliance Bank;
- iii. Kad Kredit Visa Signature Alliance Bank;
- iv. Kad Kredit Visa Infinite Alliance Bank;
- v. Kad Kredit Visa Signature Alliance Privilege;

dan yang memenuhi kriteria berikut ("**Pemegang Kad Layak**"):

- i. Pelanggan mesti berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan tidak mempunyai kad kredit sedia ada yang dikeluarkan oleh Bank;
- ii. Pelanggan mesti memohon Kad yang Layak dalam Tempoh Kempen; dan
- iii. Permohonan bagi Kad yang Layak mesti dikemukakan dalam Tempoh Kempen dan diluluskan sebelum 15 April 2026;

Individu berikut TIDAK layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:

- i. Pekerja tetap dan/atau sementara di Bank (termasuk ahli keluarga, subsidiari dan syarikat yang berkaitan);
- ii. Wakil dan/atau ejen Bank (termasuk ejen pengiklanan dan promosi serta vendor teknologi maklumat) (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan);
- iii. Entiti bukan individu termasuklah tetapi tidak terhad kepada syarikat pemilikan tunggal dan perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi;
- iv. Individu yang telah menutup atau membatalkan mana-mana kad kredit mereka dengan bank dalam tempoh 7 tahun yang lalu dari tarikh permohonan;
- v. Individu berumur bawah 21 tahun;
- vi. Pemegang kad utama yang memegang Kad Kredit Visa atau Mastercard Alliance Bank sedia ada;
- vii. Individu yang tak solven atau yang telah dihukum bankrap;
- viii. Mana-mana individu lain yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan menurut prosedur dalaman Bank.

- b. **Pemegang Kad Kredit Visa Alliance Bank baharu dan sedia ada** yang memegang Kad Kredit Visa Alliance Bank yang sah dan pembayaran boleh dibuat di titik transaksi dalam Tempoh Kempen ("**Kad Kredit Layak**"), sebagaimana yang ditentukan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank.

Untuk mengelakkan keraguan:

- i. Transaksi perbelanjaan yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan yang berkait dengan Kempen ini akan terakru kepada transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Utama dengan syarat akaun Pemegang Kad Utama yang berkenaan adalah aktif, sah dan mempunyai kedudukan kredit yang baik;
- ii. Penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan membatalkan kelayakan Pemegang Kad Utama untuk menyertai Kempen ini.

Individu berikut TIDAK layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:

- i. Pemegang mana-mana Kad Kredit Perniagaan dan/atau Kad Kredit Visa bukan Alliance Bank;
- ii. Pemegang Kad yang akaunnya dengan Bank adalah dormant, tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan dengan memuaskan;
- iii. Pemegang Kad yang telah meninggal dunia, atau individu yang sedang menghadapi sebarang jenis prosiding undang-undang;
- iv. Individu yang tidak waras, bawah umur atau bankrap;
- v. Entiti bukan individu termasuklah tetapi tidak terhad kepada syarikat pemilikan tunggal dan perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi;
- vi. Mana-mana individu lain yang ditetapkan oleh Bank untuk dikecualikan menurut dasar dalaman Bank;

- vii. Mana-mana individu lain yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan menurut prosedur dalam Bank.

MEKANIK KEMPEN

4. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pemegang Kad Kredit yang Layak perlu memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut ("Kriteria Kelayakan") untuk memperoleh penyertaan kempen ("Penyertaan Layak") dengan Kad Kredit Visa Bank, seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Kriteria Kelayakan Kempen, Penyertaan Layak & Penebusan Pulangan Tunai Blind Box

Kriteria Kelayakan		Penyertaan Layak	Penebusan Pulangan Tunai Blind Box
a)	Pemegang Kad Kredit Utama yang baru diluluskan di mana permohonan untuk Kad Kredit yang Layak dikemukakan dalam Tempoh Kempen, DAN diluluskan sebelum 15 April 2026;	1 penyertaan	1 x peluang untuk menebus pulangan tunai Blind Box; berdasarkan Ruang Masa Penebusan Blind Box
b)	Setiap transaksi minimum RM300 bagi Perbelanjaan Runcit Layak (mata wang tempatan/asing/luar negara) dalam satu resit dalam Tempoh Kempen DAN direkodkan Tempoh Kempen	1 penyertaan	1 x peluang untuk menebus pulangan tunai Blind Box; berdasarkan Ruang Masa Penebusan Blind Box

5. Untuk Kempen ini, Perbelanjaan Runcit Layak untuk memenuhi Mekanik Kempen ditakrifkan sebagai amaun perbelanjaan runcit yang dibuat di mana-mana cawangan runcit atau platform e-dagang dalam mata wang tempatan atau asing yang **direkodkan** pada Akaun Kad Ahli Kad yang Layak. Perbelanjaan Runcit Layak akan dikira dalam Ringgit Malaysia ("RM"); dan mana-mana Perbelanjaan Runcit Layak yang dicaj dalam mata wang selain daripada RM akan ditukarkan kepada RM pada kadar pertukaran semasa Bank pada tarikh ia diproses oleh Visa International termasuk 1% spread pertukaran asing yang dikenakan oleh Bank; bagi tujuan pengiraan Perbelanjaan Runcit Layak untuk menentukan peluang penyertaan dalam permainan Blind Box.
6. Segala Perbelanjaan Runcit Layak akan dijejaki oleh Bank secara automatik bagi tujuan memenuhi Kriteria Kelayakan. Perbelanjaan Runcit Layak akan dikesan berdasarkan tarikh dan/atau masa (Waktu Malaysia) sebagaimana yang tercatat dalam rekod transaksi Bank dalam Tempoh Kempen.
7. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi berikut adalah **dikecualikan** dengan jelas dan tidak akan dikira sebagai Perbelanjaan Runcit Layak, seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2: Transaksi yang Dikecualikan daripada Perbelanjaan Runcit Layak

Huraian	Kod MCC/Perincian
Transaksi yang ditukarkan kepada transaksi Pelan Pembayaran Ansuran ("IPP") atau Pelan Pembayaran Flexi ("FPP")	NIL
Transaksi tambah nilai e-dompet	6540 - Institusi Bukan Kewangan - Pembelian/Penambahan Nilai bagi Kad Nilai Tersimpan 7372 - Pengaturcaraan Komputer, Pemprosesan Data Processing, dan Perkhidmatan Reka Bentuk Sistem Bersepadu 4784 - Fi bagi Tol dan Jambatan
Pembayaran insurans	5960 - Pemasaran Langsung - Perkhidmatan Insurans 6300 - Penajajaminan, Premium Insurans
Transaksi runcit yang dilaksanakan/pembayaran yang dibuat kepada mana-mana Agensi/Badan Kerajaan bagi perkhidmatan	4900 - Utiliti – Elektrik, Gas, Air dan Sanitari 9211 - Kos Mahkamah termasuklah Alimoni dan Tanggungan Anak - Mahkamah 9222 - Denda 9223 - Pembayaran Jaminan dan Bon 9311 - Pembayaran Cukai 9399 - Perkhidmatan Kerajaan (Tidak dikelaskan di tempat lain) 9402 - Perkhidmatan Pos - Kerajaan sahaja 9405 - Transaksi Intra-Kerajaan - Kerajaan sahaja
Pembayaran kepada organisasi kebajikan/perkhidmatan sosial	8398 - Organisasi, Kebajikan dan Perkhidmatan Sosial
Transaksi Kuasi Tunai	7995 - Transaksi Perjudian

Pendahuluan Tunai, Pemindahan Baki dan/atau Penukaran Baki, Penukaran Baki Auto, Tunai Segera, Pelan Ansuran Tunai, fi dan caj Kad Kredit (iaitu caj pembiayaan, caj lewat, fi tahunan, dll), sebarang transaksi pembelian yang dipertikaikan, dibatalkan, dikembalikan, dibuat tanpa kebenaran atau berunsur penipuan dan/atau sebarang cukai atau levi; dan sebarang pembayaran bil melalui perbankan Internet, transaksi JomPay, transaksi FPX	NIL
Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak dengan mana-mana saudagar yang mempunyai kaitan dengannya atau di bawah kawalannya (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemegang saham atau pengarah), iaitu transaksi oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak dengan mana-mana syarikat atau entiti perniagaan di mana ia merupakan pekerja atau majikan atau menjalankan kerjasama dengannya atau mempunyai saham atau kepentingan atau merupakan pengarahnya.	NIL
Transaksi runcit yang dibalikkan, dibatalkan, dikembalikan, dipertikaikan, dibuat tanpa kebenaran dan/atau berunsur penipuan	NIL
Transaksi lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa	NIL

8. Penetapan kategori Saudagar dan MCC bagi setiap saudagar dilaksanakan oleh bank pemeroleh saudagar yang berkenaan, dan adalah menjadi tanggungjawab bank tersebut untuk memperuntukkan kategori Saudagar dan MCC yang tepat. Sekiranya Pemegang Kad yang Layak tidak memenuhi kriteria Transaksi Layak disebabkan oleh penetapan kategori Saudagar dan MCC yang salah oleh bank pemeroleh, Bank tidak akan bertanggungjawab atas percanggahan tersebut yang merupakan di luar kawalan Bank.
9. Semua Transaksi Layak mestilah menunjukkan bahawa tarikh transaksi dicatatkan (ditakrifkan sebagai tarikh di mana transaksi dicatatkan pada Kad Kredit yang dipegang oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak sebagaimana dalam rekod Bank) dalam Tempoh Kempen. Transaksi yang diluluskan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen mesti direkodkan dan dihantar ke sistem Bank dalam Tempoh Kempen untuk melayakkan diri mendapatkan Hadiah Kempen. Segala transaksi yang diluluskan sebagaimana yang direkodkan oleh Bank adalah muktamad, tidak dapat dipertikaikan dan mengikat semua Pemegang Kad Kredit yang Layak. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas penghantaran rekod transaksi runcit yang lewat, dibatalkan, dibalikkan/dikembalikan, dipertikaikan, dibuat tanpa kebenaran dan/atau berunsur penipuan. Sebarang amaun Transaksi yang tidak direkodkan dalam bulan yang sama transaksi tersebut dibuat tidak akan diagregatkan bagi bulan tersebut.

Rujuk contoh yang ditunjukkan di sini bagi Bilangan Penyertaan Layak yang Diperoleh & Bilangan Kelayakan bagi Pulangan Tunai Blind Box:

Contoh A

Tarikh	Huraian	Amaun yang Dibelanjakan (RM)	Bilangan Peluang untuk Penebusan Pulangan Tunai Blind Box yang Diperoleh (Penyertaan Layak yang Diperoleh)
3 Januari 2026	<u>Tidak mempunyai Kad Kredit Alliance Bank sedia ada.</u> Memohon dan mengemukakan permohonan untuk Kad Kredit Visa Virtual Alliance Bank dan Kad Kredit Visa Platinum Alliance Bank	n/a	n/a
7 Januari 2026	Kedua-dua permohonan yang dikemukakan diluluskan	n/a	1
25 Januari 2026	Makan minum di Café A	RM350	n/a
26 Januari 2026	Tarikh transaksi perbelanjaan untuk makan minum di Café A direkodkan	RM350	1

1 Mac 2026	Pembelian tiket penerbangan di Air Asia	RM1,500	n/a
3 Mac 2026	Tarikh transaksi perbelanjaan untuk pembelian tiket penerbangan di Air Asia direkodkan	RM1,500	1
Jumlah Penyertaan Layak yang Diperoleh			3

Contoh A: Pelanggan memenuhi semua Kriteria Kelayakan dan layak untuk sejumlah 3 Penyertaan Layak. Oleh itu, pelanggan tersebut telah memperoleh sejumlah 3 peluang untuk Penebusan Pulangan Tunai Blind Box.

Contoh B

Tarikh	Huraian	Amaun yang Dibelanjakan (RM)	Bilangan Peluang untuk Penebusan Pulangan Tunai Blind Box yang Diperoleh (Penyertaan Layak yang Diperoleh)
3 Januari 2026	Tidak mempunyai Kad Kredit Alliance Bank sedia ada. Memohon dan mengemukakan permohonan untuk Kad Kredit Visa Virtual Alliance Bank dan Kad Kredit Visa Platinum Alliance Bank	n/a	n/a
7 Januari 2026	Kedua-dua permohonan diluluskan	n/a	1
25 Januari 2026	Makan minum di Café B	RM150	n/a
26 Januari 2026	Tarikh transaksi perbelanjaan untuk makan minum di Café B direkodkan	RM150	0 (amaun yang dibelanjakan adalah di bawah amaun yang ditetapkan iaitu RM300)
1 Mac 2026	Pembelian tiket hotel di Booking.com	RM1,500	0
3 Mac 2026	Tarikh transaksi perbelanjaan untuk pembelian tiket hotel di Booking.com	RM1,500	1
1 Mac 2026	Pembayaran premium insurans AIA	RM400	n/a
3 Mac 2026	Tarikh pembayaran premium insurans AIA direkodkan	RM400	0 (transaksi yang dikecualikan)
Jumlah Penyertaan Layak yang Diperoleh			2

Contoh B: Pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan bagi kriteria kelulusan kad dan pembelian tiket hotel sahaja. Pelanggan layak mendapatkan sejumlah 2 Penyertaan Layak. Oleh itu, pelanggan telah memperoleh sejumlah 2 peluang untuk Penebusan Pulangan Tunai Blind Box.

Contoh C

Contoh C:	Tarikh	Huraian	Amaun yang Dibelanjakan (RM)	Bilangan Peluang untuk Penebusan Pulangan Tunai Blind Box yang Diperoleh (Penyertaan Layak yang Diperoleh)
	31 Mac 2026	Tidak mempunyai Kad Kredit Alliance Bank sedia ada. Memohon dan mengemukakan permohonan untuk Kad Kredit Visa Signature Alliance Bank	n/a	n/a
	13 April 2026	Permohonan diluluskan	n/a	1
	25 April 2026	Makan minum di Café C menggunakan Kad Kredit Visa Platinum Alliance Bank sedia ada	RM350	n/a
	26 April 2026	Tarikh transaksi perbelanjaan untuk makan minum di Café C direkodkan		0 (Perbelanjaan dibuat selepas tempoh kempen)
	26 April 2026	Pembelian tiket hotel di Booking.com menggunakan Kad Kredit Visa Signature Alliance Bank yang baru diaktifkan	RM1,500	n/a
	28 April 2026	Tarikh transaksi perbelanjaan untuk pembelian tiket hotel di Booking.com direkodkan	RM1,500	0 (perbelanjaan dibuat selepas tempoh kempen)
	Jumlah Penyertaan Layak yang Diperoleh			1

Contoh C: Kelulusan Kad Kredit pelanggan mestilah tidak lebih daripada 15 April 2026. Oleh itu, pelanggan memenuhi kriteria kelulusan Kad Kredit dan memperoleh peluang untuk Penebusan Pulangan Tunai Blind Box. Bagaimanapun, pelanggan tidak memperoleh sebarang penyertaan bagi perbelanjaan yang dibuat selepas tamat Tempoh Kempen.

Contoh D

Contoh D:	Tarikh	Huraian	Amaun yang Dibelanjakan (RM)	Bilangan Peluang untuk Penebusan Pulangan Tunai Blind Box yang Diperoleh (Penyertaan Layak yang Diperoleh)
	3 Januari 2026	Mempunyai Kad Kredit Visa Platinum Alliance Bank sedia ada. Memohon dan mengemukakan permohonan tambahan untuk Kad Kredit Visa Signature Alliance Bank	n/a	n/a

7 Januari 2026	Permohonan diluluskan	n/a	0 (Pelanggan dengan Kad Kredit Alliance Bank sedia ada tidak layak untuk penyertaan bagi bahagian kelulusan kad)
25 Januari 2026	Makan minum di Café D menggunakan Kad Kredit Visa Platinum Alliance Bank sedia ada	RM350	n/a
27 Januari 2026	Tarikh transaksi perbelanjaan untuk makan minum di Café D direkodkan	RM350	1
1 Mac 2026	Pembelian tiket hotel di Booking.com menggunakan Kad Kredit Visa Signature Alliance Bank sedia ada	RM1,500	n/a
2 Mac 2026	Tarikh transaksi perbelanjaan untuk pembelian tiket hotel di Booking.com direkodkan	RM1,500	1
Jumlah Penyertaan Layak yang Diperoleh			2

Contoh D: Pemegang kad yang mempunyai Kad Kredit Alliance Bank sedia ada tidak memperoleh Penyertaan Layak untuk kelulusan Kad Kredit dalam Tempoh Kempen. Bagaimanapun, pelanggan memenuhi Kriteria Kelayakan bagi syarat perbelanjaan. Oleh itu, pelanggan memperoleh sejumlah 2 peluang untuk Penebusan Pulangan Tunai Blind Box.

HADIAH PULANGAN TUNAI BLIND BOX, PNEBUSAN DAN PEMILIHAN PEMENANG

- Hadiah-hadiah Pulangan Tunai Blind Box ("Pulangan Tunai") yang diberikan untuk Kempen ini adalah menurut dasar dalaman Bank dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Bank mengenainya akan dianggap sebagai muktamad.
- Tertakluk kepada terma dan syarat pemilihan Pemenang Kempen, Bank akan memberikan Pulangan Tunai **berjumlah RM1,190,621** kepada Pemegang Kad Kredit yang Layak yang memperoleh peluang untuk menebus Pulangan Tunai; berdasarkan jadual Ruang Masa Penebusan Blind Box ("Ruang Masa Penebusan") **sepanjang Tempoh Kempen**.
- Kuantiti pulangan tunai adalah tertakluk kepada ketersediaannya dan akan diberikan **secara rawak** dalam tempoh Ruang Masa Penebusan. Pemegang Kad Kredit yang Layak akan menerima mana-mana denominasi yang merupakan sebahagian daripada peruntukan Pulangan Tunai seperti dalam Jadual 3:

Jadual 3: Pecahan & Kuantiti Pulangan Tunai Blind Box

Amaun Pulangan Tunai (RM)	Jumlah Sepanjang Tempoh Kempen	
	Kuantiti Pulangan Tunai	Jumlah Pulangan Tunai (RM)
888	480	426,240
88	6,000	528,000
8	21,600	172,800
0.88	70,282	61,848
0.08	21,666	1,733
Jumlah Pulangan Tunai	120,028	1,190,621

- Bilangan Blind Box yang disediakan untuk pemilihan adalah berpadanan dengan jumlah Penyertaan Kempen yang didapati oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak dalam Tempoh Kelayakan yang berkenaan; dan adalah tertakluk kepada peruntukan keseluruhan Kuantiti Pulangan Tunai seperti dalam Jadual 3.
- Setelah memenuhi Kriteria Kelayakan dalam setiap Tempoh Kelayakan, Pemegang Kad Kredit yang Layak akan dimaklumkan melalui WhatsApp Alliance Bank Malaysia berkenaan peluang untuk menebus Pulangan Tunai dan arahan berkenaan cara untuk membuat penebusan. Ruang Masa Penebusan adalah diperuntukkan mengikut Tarikh Kelulusan Kad Kredit yang Layak dan/atau Tempoh Perbelanjaan Layak. Notifikasi WhatsApp akan dihantar ke nombor telefon bimbit Malaysia Pemegang Kad Kredit Layak yang berdaftar dalam sistem Bank.

15. Dalam notifikasi WhatsApp Alliance Bank Malaysia yang sama, Pemegang Kad Kredit yang Layak akan dimaklumkan mengenai garis masa yang tepat bagi Ruang Masa Penebusan, seperti di bawah. Ruang Masa Penebusan akan sah selama 1 minggu dari tarikh notifikasi WhatsApp tersebut. Rujuk Jadual 4 bagi pecahan Tempoh Kelayakan, Ruang Masa Penebusan dan Tempoh Penunaian.

Jadual 4: Pecahan Tempoh Kelayakan, Ruang Masa Penebusan dan Tempoh Penunaian

Bulan Kempen	Tarikh Kelulusan Kad Kredit Layak / Tarikh Transaksi Runcit Layak Direkodkan ¹ ("Tempoh Kelayakan")	Ruang Masa Penebusan Blind Box ("Ruang Masa Penebusan")	Tempoh Penunaian Pulangan Tunai (Akaun Kad Kredit Peringkat Tertinggi)
Jan 2026	1 - 7 Januari 2026	15 Januari – 21 Januari 2026	31-Mac-26
	8 - 14 Januari 2026	22 Januari – 28 Januari 2026	
	15 - 21 Januari 2026	29 Januari – 4 Februari 2026	
	22 - 28 Januari 2026	5 Februari - 11 Februari 2026	
Feb 2026	29 Januari - 4 Februari 2026	12 Februari - 18 Februari 2026	30-Apr-26
	5 - 11 Februari 2026	19 Februari - 25 Februari 2026	
	12 -18 Februari 2026	26 Februari - 4 Mac 2026	
	19 - 25 Februari 2026	5 Mac - 11 Mac 2026	
	26 Februari - 4 Mac 2026	12 Mac - 18 Mac 2026	31-Mei-26
Mac 2026	5 - 11 Mac 2026	19 Mac - 25 Mac 2026	
	12 - 18 Mac 2026	26 Mac - 1 April 2026	
	19 - 25 Mac 2026	2 April - 8 April 2026	
	26 Mac - 31 Mac 2026	9 April - 15 April 2026	
Apr 2026 ²	1 - 15 April 2026 ³	21 April – 27 April 2026	15-Jun-26

Nota:

¹Perbelanjaan bagi Transaksi Runcit Layak mesti dimulakan dalam Tempoh Kempen, dan direkodkan menurut Tempoh Kelayakan.

²Terpakai hanya untuk kelulusan permohonan Pemegang Kad Kredit Visa Alliance Bank baharu sahaja.

16. Kegagalan untuk memilih Blind Box dalam Ruang Masa Penebusan akan menyebabkan terbatalnya kelayakan Pemegang Kad Kredit yang Layak untuk membuat pemilihan Blind Box bagi Tempoh Kelayakan tersebut dan ia tidak boleh dibawa ke hadapan atau dikumpul untuk Tingkap Penebusan yang berikutnya atau Bulan Kempen yang seterusnya.
17. Hanya selepas memilih Blind Box sebagaimana dalam komunikasi WhatsApp dan menerima balasan melalui WhatsApp berkenaan amaun pulangan tunai tertentu yang dimenangi, Pemegang Kad Kredit yang Layak akan dirujuk sebagai **"Pemenang"**.
18. Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Kad Kredit yang Layak untuk memastikan nombor telefon bimbit Malaysia yang dikemukakan kepada Bank adalah nombor semasa mereka yang telah dikemas kini dengan Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad Kredit yang Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang diakibatkan olehnya) yang dialami sekiranya nombor telefon bimbit Malaysia Pelanggan yang Layak yang terdapat dalam rekod Bank bukan merupakan nombor semasa atau tidak dikemas kini.

PENUNAIAN KEMPEN

19. Penunaian Kempen adalah seperti berikut:
- Kad Kredit yang Layak mestilah sah, aktif (tidak dormant, ditutup atau ditamatkan) dan mempunyai kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank, untuk melayakkan diri mengambil bahagian dan untuk mendapatkan Pulangan Tunai Blind Box. Sekiranya dalam Tempoh Kempen atau Tempoh Penunaian, Pemegang Kad Kredit yang Layak menutup akaun Kad Kredit atas sebarang sebab, penyertaannya dalam Kempen ini menjadi batal dan tidak sah dengan serta-merta;
 - Pulangan Tunai akan dikreditkan kepada akaun kad kredit peringkat tertinggi yang dipegang oleh Pemenang seperti dalam Jadual 4, mengikut terma dan syarat yang terkandung di sini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4 (**"Tempoh Penunaian"**);
 - Bank mungkin mendedahkan atau mengumumkan nama pemenang dan 4 digit terakhir nombor telefon bimbit Malaysia mereka menerusi media, bahan pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Kempen ini

(“Pengumuman Pemenang”);

- d. Sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, Pemenang perlu menghubungi Pusat Perhubungan Bank (03-55169988) sebelum 30 September 2026. Sebarang pertanyaan tidak akan dilayan selepas 30 September 2026;
20. Bank berhak membatalkan kelayakan penyertaan mana-mana Pemegang Kad Kredit yang Layak atau membatalkan Pulangan Tunai sekiranya didapati adanya transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlakunya pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen menurut dasar dalaman Bank. Segala rekod Bank mengenai transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
21. Untuk mengelakkan keraguan, adalah menjadi kewajipan Pemegang Kad Kredit yang Layak untuk mengemukakan nombor telefon dan alamat e-mel mereka yang terkini dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemegang Kad Kredit yang Layak disebabkan oleh nombor telefon dan/atau alamat e-mel yang tidak tepat/tidak sah yang dikemukakan oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak, atau notifikasi tidak dapat dihantar/disampaikan disebabkan oleh sebarang sebab sekalipun yang tidak berpunca daripada Bank.
22. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan tunai, cek, kredit dan/atau barangan. Keputusan Bank berkenaan dengan segala perkara yang berkait dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat, dan sebarang surat-menyurat, rayuan atau cubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Pemenang atau mana-mana individu lain untuk memindahkan atau menukarkan kelayakan Pulangan Tunai kepada akaun mana-mana pihak ketiga.
23. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat pernyataan atau waranti berhubung dengan kesesuaian Pulangan Tunai (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahan dan/atau penggunaan Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Pulangan Tunai yang dibatalkan). Bank tidak memberi jaminan atau bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kecederaan yang diakibatkan oleh penggunaan Pulangan Tunai serta tidak membuat pernyataan mengenai kualiti atau kesesuaian Pulangan Tunai tersebut untuk apa-apa juga tujuan.

TERMA DAN SYARAT AM

24. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Kredit yang Layak perlu membaca dan memahami terma yang ditetapkan sebelum mempersetujui Terma dan Syarat Kempen. Terma dan Syarat Kempen ini serta keputusan Bank mengenai segala perkara yang berkait dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
25. Bank berhak menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan untuk menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu menerusi hantaran pada laman web Bank, paparan di premis cawangan atau iklan atau melalui sebarang kaedah pemberitahuan lain yang menjadi pilihan Bank, dan ia akan mengikat Pemegang Kad Kredit yang Layak mulai tarikh pemberitahuan tersebut atau mulai tarikh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dalam pemberitahuan tersebut. Pemegang Kad Kredit yang Layak dengan ini bersetuju untuk sentiasa mengakses laman web Bank untuk menyemak Terma dan Syarat Kempen ini.
26. Bank berhak, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya berdasarkan dasar dalaman Bank, untuk menukar atau menggantikan Pulangan Tunai dengan item atau ganjaran lain yang mempunyai nilai yang setara dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web Bank.
27. Terma dan Syarat Kempen ini merupakan tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir Produk dan akaun perbankan Pemegang Kad dengan Bank (“Terma Sedia Ada”).
28. Terma dan Syarat Kempen dan keputusan Bank berkenaan segala hal yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad Kredit yang Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
29. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang jenis liabiliti yang timbul atau ditanggung dalam apa juga cara oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini yang diakibatkan oleh tindakan pemegang kad itu sendiri. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak dalam apa cara sekalipun sekiranya Bank tidak berupaya melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Kempen ini sama ada secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang

merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank.

30. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bentuk kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, kesilapan elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International, syarikat saudagar, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang boleh menjejaskan kelayakan Pemegang Kad Kredit yang Layak dalam Tempoh Kempen.
31. Akaun Kad Kredit dan akaun Pemegang Kad Kredit yang Layak mestilah sentiasa (i) sah, mempunyai kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana terma dalam Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma Sedia Ada; dan (ii) tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, untuk melayakkan diri mendapatkan Hadiah Kempen.
32. Bank berhak membatalkan kelayakan penyertaan mana-mana Pemegang Kad Kredit yang Layak atau membatalkan Pulangan Tunai sekiranya terdapat transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman ABMB. Segala rekod Bank berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
33. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau penyingkiran Pemegang Kad Kredit yang Layak atau penarikan balik Pulangan Tunai tidak akan memberikan hak kepada Pemegang Kad Kredit yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau untuk menuntut sebarang pampasan terhadap Bank atau bagi sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan, pelanjutan, penyingkiran atau penarikan balik yang diakibatkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri.
34. Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Kempen ini.
35. Pemegang Kad Kredit yang Layak dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya kepada ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk tujuan pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
36. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Kredit yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank, <https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010>) dan dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan penganjuran Kempen ini.
37. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan membuat perjanjian, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
38. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Kredit yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan tersebut dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

39. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia, dan semua Pemegang Kad Kredit yang Layak akan dianggap sebagai telah memberi persetujuan untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.
40. Untuk Pemegang Kad Visa dengan jenis kad seperti dalam Jadual 5 di bawah, Visa menawarkan Perlindungan Pembelian e-Dagang & Waranti Lanjutan sebagai manfaat untuk memberikan perlindungan tambahan dan ketenangan fikiran kepada pemegang kad semasa membeli-belah secara dalam talian.

Jadual 5: Perlindungan Pembelian e-Dagang & Waranti Lanjutan Visa

Tarikh Program:	1 Oktober 2025 – 30 September 2026 (1 tahun)	
Jenis Kad:	Visa Signature & Visa Infinite (Kad Kredit Pengguna sahaja)	
Manfaat:	Perlindungan Pembelian e-Dagang	Waranti Lanjutan
Butiran Tawaran:	Perlindungan Pembelian e-Dagang adalah manfaat yang kini boleh dinikmati oleh Pemegang Kad Kredit Visa Infinite dan Visa Signature, yang memberikan perlindungan tambahan dan ketenangan fikiran apabila membeli-belah secara dalam talian. Sekiranya anda membuat pembelian secara dalam talian menggunakan kad Visa, anda mendapat perlindungan bagi kemungkinan kerugian sehingga USD \$200 bagi satu tuntutan dalam setahun untuk mana-mana kejadian berikut: • Item belian yang tidak dihantar dan/atau penghantaran barangan yang tidak lengkap serta caj penghantaran, yang dibeli di internet • Barangan yang tidak berfungsi dengan baik akibat kerosakan yang dialami oleh barangan yang dihantar	Sebaik sahaja Waranti Pengeluar luput, Manfaat Waranti Lanjutan akan menduplikasikan terma Waranti Pengeluar asal sehingga satu (1) tahun bagi Pembelian Dilindungi yang tidak berfungsi dengan baik dan memerlukan pembaikan dalam Tempoh Polisi. Manfaat yang diberikan adalah untuk kos pembaikan atau penggantian Pembelian Dilindungi, sehingga amaun yang dicaj bagi item tersebut atau Had Setiap Kejadian (USD \$500 bagi Kad Kredit Visa Infinite dan Kad Kredit Visa Signature), mana-mana yang lebih rendah, tertakluk kepada Had Agregat Tahunan: • Pembelian yang diberikan sebagai hadiah adalah termasuk dalam pembelian yang dilindungi • Pembelian yang dilindungi termasuk pembelian internet • Pembelian yang dilindungi tidak perlu didaftarkan

41. Untuk maklumat lanjut mengenai Perlindungan Pembelian e-Dagang dan Waranti Lanjutan Visa, sila rujuk https://www.visa.com.my/en_my/visa-offers-and-perks/ecommerce-purchase-protection-by-aig-asia-pacific-insurance-pte-ltd/15644 and https://www.visa.com.my/en_my/visa-offers-and-perks/extended-warranty-by-aig-asia-pacific-insurance-pte-ltd/156448.

PENCEGAHAN DAN PENGURANGAN PENIPUAN DAN SCAM PERBANKAN

42. Bank akan menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk pengetahuan dan kesedaran Pemegang Kad Kredit yang Layak dari semasa ke semasa bagi membantu mencegah dan mengurangkan risiko penipuan dan scam. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, pengemaskinian perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan ketetapan peraturan oleh badan pentadbiran yang berkenaan.
43. Pemegang Kad Kredit yang Layak mesti memastikan bahawa segala instrumen perbankan disimpan dengan baik, contohnya buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN bagi perbankan menerusi telefon, butiran keselamatan log masuk bagi perbankan internet dan mudah alih, dan kod pengesahan transaksi (TAC). Pemegang Kad Kredit yang Layak perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan mana-mana yang tersebut di atas atau berlakunya penggunaan tanpa kebenaran atau pengesahan yang sewajarnya. Pemegang Kad Kredit yang Layak tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pemegang Kad Kredit yang Layak memaklumkan kepada Bank, menurut Terma dan Syarat ini, bahawa instrumen perbankan Pemegang Kad Kredit yang Layak yang dinyatakan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau diceroboh.
44. Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak dikaitkan dengan kecuaiannya yang disengajakan oleh Bank semata-mata, satu-satunya dan keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh Bank (sama ada berkenaan satu atau lebih tuntutan) terhadap Pemegang Kad Kredit yang Layak dari segi kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti

rugi langsung yang dialami, mana-mana yang lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian perniagaan, kerugian dari segi keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pelepasan pembayaran, award, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira kemungkinan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah diberitahu kepada, atau secara munasabahnyanya telah boleh dijangka oleh Bank.

45. Setelah dimaklumkan oleh Pemegang Kad Kredit yang Layak mengenai kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pemegang Kad Kredit yang Layak dikehendaki menyediakan maklumat dan kerjasama secukupnya untuk membantu siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah berikut sebaik sahaja kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa persetujuan pelanggan terlebih dahulu) untuk mengelakkan atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya semasa Bank membuat siasatan:
- a. Menggantung atau membekukan akaun yang berkenaan;
 - b. Membatalkan atau mengeset semula akses perbankan internet atau mudah alih Pemegang Kad yang Layak; dan/atau
 - c. Membatalkan kesahan instrumen perbankan, dan Pemegang Kad Kredit yang Layak akan dimaklumkan setelah langkah di atas dilaksanakan.